

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10 / 08 / 2007

# Wanita sekarang bertuah

UM- 10/8/2007

**KUALA LUMPUR** 9 Ogos – Ketika Jepun menjajah Tanah Melayu pada tahun 1941 hingga 1945, wanita merupakan golongan yang sering ditindas.

Tokoh veteran UMNO, Tan Sri Aishah Ghani berkata, seperti di negara-negara lain yang ditakluki Jepun, wanita di Tanah Melayu juga tidak terlepas daripada dijadikan 'hamba seks' oleh tentera negara tersebut.

Bagaimanapun, katanya, tragedi yang dianggap merendahkan dan menaibkan golongan wanita itu, tidaklah seburuk nasib yang menimpa kaum wanita di Korea.

Beliau berkata, golongan wanita di Tanah Melayu juga dianggap sebagai kumpulan yang lemah dan sering diabaikan termasuk daripada mendapat pendidikan yang sempurna.

"Ketika di zaman penjajah, wanita ibarat 'pingitan'. Mereka tidak dibenarkan keluar rumah dan apabila meningkat dewasa, dilarang untuk bergaul dengan lelaki yang menjadi rakan mereka semasa kecil," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Aishah yang dilahirkan pada 5 Jun 1924 berkata, ketika negara di bawah kuasa penjajah, tidak banyak peluang diberikan kepada wanita, termasuk untuk menjawat jawatan penting.

Jika pun ada, kata bekas Menteri Kebajikan Masyarakat itu, paling tinggi setakat menjadi guru sekolah rendah.

Namun, kata beliau, hasil kesedaran untuk memajukan diri serta

## Sebelum Merdeka



**AISHAH GHANI**

ingin turut menyumbang kepada negara yang ketika itu memperjuangkan kemerdekaan, maka terdapat golongan wanita tertentu termasuk dirinya, yang 'berdegil' untuk belajar.

"Bayangkan, masa itu, saya terpaksa berjalan kaki sejauh kira-kira 6.4 kilometer setiap hari untuk pergi balik ke sekolah bagi memastikan saya mendapat pendidikan," katanya.

Justeru, beliau melahirkan rasa syukur kerana kedudukan wanita selepas negara mencapai kemerdekaan, jauh lebih baik, sehingga ada



**AISHAH Ghani (duduk, kiri sekali) bersama Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Siew Sin, Tan Sri Syed Nasir semasa sedang menunggu keputusan pilihan raya.**

yang menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan sekarang.

"Kejayaan wanita sekarang sehingga ada yang menjawat jawatan

penting dalam kerajaan dan swasta tidak mungkin berlaku sekiranya negara masih dijajah.

"Wanita sekarang sangat ber-

tuah," kata bekas Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita UMNO yang telah menyertai parti itu sejak tahun 1946 lagi.